

PENANGGUHAN ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-92

Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Penularan wabak COVID-19 ini yang berlaku di seluruh dunia menyebabkan WHO mengisytiharkan ia sebagai Pandemik. Justeru, pengurusan UiTM perlu mengambil tindakan pencegahan dan proaktif demi kesihatan dan keselamatan seluruh warga UiTM dan masyarakat amnya.

Sehubungan itu, mengambil kira nasihat daripada KKM (kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 11 Mac 2020 adalah dirujuk) dan Mesyuarat Khas Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-92 yang dipengerusikan oleh Naib Canselor pada 12 Mac, Pengurusan Eksekutif UiTM telah membuat keputusan untuk **MENANGGUHKAN ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-92 DI UiTM SHAH ALAM DAN KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN UiTM BERKUAT KUASA SERTA-MERTA** sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Segala kesulitan dan perkara bersangkutan yang berbangkit adalah amat dikesali. Pengurusan UiTM juga amat menghargai kefahaman, sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak di dalam hal ini. Bersamalah kita berdoa dan mengharapakan wabak ini dapat ditangani segera dan keadaan kembali pulih sepenuhnya.

**Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
12 Mac 2020**